



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN

Rujukan Kami : IPK.Sel.BK.100-3/2/3(11)
Tarikh : 21 Julai 2020

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbangan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha/ Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan,

SURAT HEBAHAN SUK BIL. 5 TAHUN 2020

HEBAHAN ISTILAH KEBIASAAN BAHARU DAN NORMA BAHARU

Dengan hormatnya saya memohon perhatian YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas dan surat Ketua Komunikasi Korporat Jabatan Perdana Menteri (JPM100-2/1/1Jld4(23)) bertarikh 13 Julai 2020.

2. Bersama-sama ini disertakan pemakluman daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) berkaitan penggunaan istilah kebiasaan baharu (*new normal*) dan norma baharu (*new norm*). DBP berpandangan istilah ini perlu diselaraskan dan memutuskan *new normal* diberikan padanan **kebiasaan baharu**, manakala *new norm* diberikan padanan **norma baharu**.

3. **Kebiasaan baharu** ialah tindakan atau tingkah laku yang baharu atau tidak seperti kebiasaan untuk dijadikan standard dalam usaha mengadaptasi keadaan baharu disebabkan oleh sesuatu perkara seperti pandemik penyakit berjangkit. **Norma baharu** pula ialah peraturan yang diterima atau digunakan oleh masyarakat disebabkan berlakunya sesuatu perkara seperti pandemik penyakit berjangkit.

...2/-

(Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung)

HEBAHAN ISTILAH KEBIASAAN BAHARU DAN NORMA BAHARU

4. Sehubungan itu, YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan dimohon untuk menghebahkan penggunaan istilah tersebut kepada semua warga Jabatan / Agensi masing-masing.

5. Segala kerjasama dan perhatian YB Dato'/ YAD Dato' Setia/ YBhg. Dato'/ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)
D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.